



Dr Azhar Bin Md Sabil
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan,
Universiti Putra Malaysia
e-mel: azhar.sabil@upm.edu.my
Tel.: 013-3557969

Berpengalaman selama 31 tahun dalam dunia Pendidikan. Bermula sebagai seorang guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah selama 10 tahun. Kemudian berkongsi pengalaman dan ilmu pendidikan di Institut Pendidikan Guru selama 10 tahun dan kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia mulai 2014 hingga kini. Dalam pentadbiran pengurusan, beliau merupakan penyelaras Master Pendidikan Bahasa Melayu bagi mod Pendidikan Jarak Jauh. Pernah menggalas tugas sebagai penyelaras program Bachelor Pendidikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama pada tahun 2017 – 2019. Atas kepakaran beliau yang luas dalam pendidikan bahasa Melayu di semua peringkat, beliau telah dilantik sebagai penilai program oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi menilai dan memeriksa pelaksanaan program Diploma Pendidikan Pascasiswazah pada 2020 – 2022. Beliau banyak terlibat dalam perkongsian kepakaran dalam bidang bahasa Melayu dan dilantik sebagai panel tetap jawatankuasa pembangunan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak 2016 hingga kini. Selain itu, beliau pernah terlibat dalam pembangunan kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah dan sekolah menengah, memberi sumbangan sebagai jawatankuasa peningkatan mutu penerbitan buku teks Bahasa Melayu, penulis buku teks dan penilai modul Bahasa Melayu serta pelbagai aktiviti kebahasaan. Beliau juga banyak terlibat dalam pembangunan modul pentaksiran bagi kecekapan bahasa Melayu yang dibangunkan oleh KPM melalui peruntukan geran penyelidikan KPM, Majlis Peperiksaan Malaysia dan Jawatankuasa Kerangka Standard Bahasa Melayu.